



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN
PEKERJA**

KOD KURSUS : DSM2143/DSM2083

PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian:
BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jabatan Sumber Manusia akan melakukan proses perekrutan secara terancang untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan dalam organisasi. Kenapakah proses perekrutan penting dalam pengisian jawatan kosong?

(5 markah)

SOALAN 2

Syarikat Minuman Roza berhadapan dengan masalah jumlah bilangan pekerja yang ada di dalam organisasi melebihi keperluan sumber organisasi. Anda sebagai Pegawai Sumber Manusia diminta untuk membantu Syarikat Minuman Roza mencari jalan bagi mengatasi masalah lebihan pekerja. Huraikan **empat (4)** cadangan berkenaan.

(8 markah)

SOALAN 3

Bagaimanakah proses perancangan sumber manusia dilaksanakan?

(10 markah)

SOALAN 4

a. Carikan maklumat-maklumat yang perlu ada dalam analisis kerja.

(5 markah)

b. Kenapakah analisis kerja digunakan dalam proses perekrutan pekerja?
Cadangkan **enam (6)** tujuan analisis kerja.

(12 markah)

SOALAN 5

Data pekerja sangat penting bagi Pengurus Sumber Manusia untuk melengkapkan analisis kerja. Anda diminta mencadangkan lima (5) kaedah yang difikirkan sesuai untuk memungut data analisis kerja.

(10 markah)

SOALAN 6

- a. Pelbagai jenis temu duga boleh digunakan bagi mencari calon pekerja yang bersesuaian berdasarkan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Pada pandangan anda, apakah perbezaan antara temu duga situasi dan temu duga deskripsi gelagat?

(6 markah)

- b. Apakah kaedah yang boleh dilakukan oleh penemu duga untuk menjalankan siasatan latar belakang terhadap calon yang berpotensi sebelum diambil bekerja?

(4 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Ramalan keperluan sumber manusia merujuk kepada ramalan yang dibuat oleh organisasi terhadap jenis dan bilangan pekerja yang diperlukan pada masa hadapan. Bagaimanakah sistem maklumat berkomputer membantu organisasi melaksanakan ramalan penawaran sumber manusia? Jelaskan.

(10 markah)

SOALAN 2

Cik Nayli telah ditugaskan oleh majikan beliau untuk mengambil pekerja dari sumber perekrutan dalaman atau luaran bagi memenuhi keperluan guna tenaga di organisasinya. Beliau telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah iklan pekerjaan. Mengapakah Cik Nayli berpendapat iklan pekerjaan merupakan kaedah yang terbaik bagi menjayakan sesi pengambilan pekerja?

(15 markah)

SOALAN 3

Anda telah menerima surat tawaran pekerjaan sebagai Penolong Pengurus Sumber Manusia daripada Syarikat Perkapalan Maju Daya. Walau bagaimanapun anda bercadang untuk menolak tawaran pekerjaan tersebut kerana anda ingin menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Bolehkah anda mengemukakan cara-cara untuk menolak tawaran pekerjaan berkenaan?

(15 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

